

# UniMAP Terima Pelajar Baru Diploma



Seramai 321 pelajar baru Diploma bagi Sidang Akademik 2014/2015 telah mendaftarkan diri di UniMAP pada 9 Jun 2014 lalu. Pendaftaran tersebut melibatkan enam program diploma yang ditawarkan iaitu Diploma Kejuruteraan Komputer, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekatronik, Kejuruteraan Mikroelektronik, Kejuruteraan Pembuatan dan Kejuruteraan Metalurgi.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), peningkatan kemasukan yang memberangsangkan ini dipengaruhi maklumat yang diperolehi pelajar dengan melayari laman web atau pendapat rakan serta saudara yang pernah menyambung pelajaran di sini, katanya ketika berucap pada sesi Taklimat Waris Pendaftaran Pelajar Diploma, Sidang Akademik 2014/2015.

Beliau juga turut menyeru agar ibu bapa untuk terus menitipkan semangat dan motivasi buat anak-anak mereka dalam meneruskan kehidupan baru di UniMAP. Beliau yakin sekiranya ibu bapa secara berterusan dapat menasihati, menegur dan membimbing anak-anak yang dipinjamkan kepada UniMAP dalam jangka masa tiga tahun mendatang ini, hasrat untuk menjadikan para pelajar ini sebagai Modal Insan Kamil yang Menyumbang kepada Agenda Pembangunan dan Daya Saing Industri akan dapat dilaksana dengan lebih realistik.